

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 14.11.2016

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kawalan keselamatan di sekolah yang terdedah kepada risiko kemalangan, kes penculikan dan jenayah setempat dan berapa jumlah kes kemalangan membabitkan pelajar di seluruh negara antara tahun 2010 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berkompromi terhadap perkara yang melibatkan keselamatan murid di sekolah. KPM sentiasa memantau aspek keselamatan sekolah terutamanya keselamatan murid-murid dengan menguatkuasakan peraturan dan panduan yang sedang berkuat kuasa. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan aspek keselamatan sekolah terpelihara ialah:

1. mengeluarkan **buku Konsep dan Manual Sekolah Selamat** pada tahun 2002 sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk mewujudkan sekolah selamat;
2. memastikan sekurang-kurangnya dua orang pengawal keselamatan sentiasa menjalankan tugas mereka pada setiap sesi persekolahan;

3. memastikan pihak sekolah melaporkan segala kerosakan bangunan sekolah yang mengancam keselamatan murid di sekolah, di samping mengambil langkah intervensi bagi menjamin keselamatan murid; dan semua urusan berkaitan dengan murid perlu dirujuk kepada pentadbir sekolah terlebih dahulu bagi menjamin keselamatan murid; dan,
4. menjalankan program 3K (Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan) bagi memastikan keselamatan murid di kawasan sekolah terjamin daripada segala bentuk risiko keselamatan dan kesihatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod KPM pada 12 Oktober 2016 menunjukkan 0.046 peratus murid dilaporkan terlibat dalam kemalangan jalan raya. Bilangan kes tersebut menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan tahun 2015 yang melibatkan 0.035 peratus murid. KPM memandang serius perkara ini dan sentiasa bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya warga sekolah bagi mengelakkan kes kemalangan yang membabitkan murid di luar premis sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Dato' Normala binti Abdul Samad**

TARIKH : **14.11.2016**

SOALAN : **NO. 42**

Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pemberian Baucer Buku 1Malaysia kepada suatu bentuk mekanisme yang lebih berkesan berikutan keperluan untuk seseorang pelajar / mahasiswa bukanlah hanya buku semata-mata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Petua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pemberian Baucer Buku 1Malaysia akan diteruskan tetapi digantikan dengan kad debit pelajar berjumlah RM250 yang boleh digunakan untuk pembelian buku, alatulis, alatan komputer dan akses internet.

Satu sesi perbincangan bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan dan Bank Rakyat telah diadakan pada 31 Oktober 2016 untuk melihat model kad debit (kadS1M). Hasil dari perbincangan awal ini, terdapat beberapa cadangan yang perlu dipertimbangkan. Antaranya adalah:

- a) pembukaan akaun tanpa simpanan dan penggunaan kad debit khas untuk pembelian buku, alatulis, alatan komputer dan akses internet;
- b) penggunaan kad matrik sebagai kad debit; dan
- c) pembukaan akaun bersama simpanan,

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK ROZMAN BIN ISLI**
[LABUAN]
TARIKH : **14 NOVEMBER 2016 [ISNIN]**
SOALAN : **43**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan kempen "cyber safe" yang diperkenalkan oleh Kementerian dalam membendung jenayah siber yang dijangka meningkat menjelang penghujung tahun 2016 serta apakah risiko yang telah dikenal pasti tentang kekurangan tahap kesedaran jenayah siber dalam kalangan pengguna alam maya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kebergantungan yang tinggi terhadap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) menjadikan negara terdedah kepada pelbagai ancaman siber yang semakin meningkat mutakhir ini. Berhubung dengan perkara ini, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan pelbagai program kesedaran mengenai isu-isu teknologi dan sosial yang dihadapi oleh pengguna internet, khususnya mengenai risiko yang mereka hadapi dalam talian.

Risiko boleh timbul dari kesilapan dan kecuaiannya pengguna, kelemahan pentadbiran organisasi di tempat bekerja maupun ancaman dari luar melalui eksploitasi kesilapan teknologi dan kealpaan manusia. Pengguna perlu ada tahap kesedaran yang tinggi tentang risiko dari ancaman siber ini, terutamanya ketika menggunakan komputer masing-masing, seperti penipuan, serangan malware, peras ugut *ransomware* dan sebagainya. Ancaman siber ini mampu mengugat keselamatan negara, ekonomi, kestabilan serta keharmonian masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*) bertujuan memberi kesedaran keselamatan siber serta amalan terbaik penggunaan ICT secara selamat dan positif. Program-program yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) Ceramah CyberSAFE;
- (ii) CyberSAFE Quest;
- (iii) CyberSAFE Mentor;
- (iv) CyberSAFE Ambassador; dan
- (v) Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan.

Dari tahun 2011 sehingga bulan September 2016, CyberSecurity Malaysia telah berjaya menjangkau seramai 88,038 pengguna ICT dan Internet melalui program-program CyberSAFE.

Antara keberkesanan program CyberSAFE adalah:-

- (i) berupaya menyebarkan maklumat dan kefahaman mengenai kepentingan keselamatan siber;
- (ii) menyampaikan mesej-mesej mengenai isu-isu keselamatan siber semasa;
- (iii) berkongsi amalan terbaik serta etika penggunaan komputer serta Internet secara berhemah kepada orang ramai terutama kepada golongan sasaran yang dikenal pasti;
- (iv) peningkatan dalam jumlah permintaan untuk CyberSecurity Malaysia mengadakan ceramah-ceramah kesedaran keselamatan siber di seluruh Malaysia pada setiap tahun; dan
- (v) permintaan untuk membangunkan aktiviti serta program yang menjurus kepada peningkatan kefahaman dalam pelbagai sektor mengenai keselamatan siber bertujuan untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber.

Selain daripada itu, MOSTI melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membangunkan modul kesedaran keselamatan siber nasional. Pasa masa kini, CyberSecurity Malaysia sedang melaksanakan Kajian Tanda Aras (*Baseline*) Kesedaran Keselamatan Siber yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah serta ibu bapa di seluruh Malaysia. Dapatan dari kajian ini akan diguna pakai dalam pembangunan modul kesedaran keselamatan siber nasional. Aktiviti kajian tanda aras telah bermula pada 27 Jun 2016 dan tamat pada 27 Julai 2016. Manakala proses pembangunan modul bermula pada bulan Oktober 2016 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2016 .

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengurangkan risiko terhadap bahaya jenayah siber kepada pengguna ICT dan Internet, CyberSecurity Malaysia juga sedang melaksanakan program *Human Impact Management Information System on Information Security* atau ringkasnya HIMIS. Program berbentuk kajian ini akan menilai dan mengurus tahap kefahaman tenaga kerja sektor awam di Malaysia mengenai keselamatan siber. Ia bertujuan untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber terutamanya bagi kakitangan sektor awam di negeri-negeri di Malaysia. Program ini dilaksanakan di bawah pembiayaan program Flagship MOSTI. Program ini telah bermula pada bulan September 2016 dan dijangka tamat pada 31 Disember 2017.

Sekian, terima kasih.